

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera

YBhg. Prof/Tuan/Puan,

HEBAHAN HIJAU 01/19: PENGGUNAAN POLISI TENAGA UNIVERSITI DI SEMUA PUSAT TANGGUNGJAWAB

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan Pejabat Kampus Lestari (SCO) bersama Jawatankuasa Tenaga Universiti dengan kerjasama Pejabat Pembangunan dan penyenggaraan (PPP) amat komited untuk membudayakan amalan cekap tenaga di kalangan warga universiti. Selari dengan matlamat tersebut, satu polisi tenaga telah dibentuk dan telah mendapat kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif JKE Bil 3/2019 yang bersidang pada 24 Febuari 2019.

3. Justeru itu, pemakaian dan pematuhan polisi tenaga ini perlu diwar-warkan kepada seluruh warga universiti disetiap Pusat Tanggungjawab (PTj) sebagai mencerminkan komitmen semua untuk menjayakan amalan cekap tenaga yang menyeluruh. Setiap PTj juga diwajibkan untuk menyediakan ruangan khas **Sudut Tenaga** untuk tujuan memaparkan **Polisi TenagaUniversiti** berserta info-info berkaitan penjimatan tenaga. Bersama-sama ini dilampirkan [Polisi Tenaga Universiti Tun Hussein Onn Malaysia](#) sebagai panduan dan tindakan pihak YBhg. Prof/Tuan/Puan selanjutnya.

Sekian, kerjasama YBhg. Prof/Tuan/Puan di dalam perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

“DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA”
“REENGINEERING SUSTAINABILITY”

Yang benar,

SR. DR. NORALFISHAH BINTI SULAIMAN

Pengarah

Pejabat Kampus Lestari (SCO)

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

☎ (Samb. 7657)

- s.k.
- *YBhg. Naib Canselor*
 - *Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)*
 - *Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)*
 - *Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)*
 - *Provost UTHM Kampus Cawangan Pagoh*
 - *Bendahari*
 - *Ketua Pustakawan*
 - *Penasihat Undang-Undang*
 - *Penolong Naib Canselor (Kelestarian Kewangan)*
 - *Penolong Naib Canselor (Perancangan Strategik & Perhubungan*
- Korporat)
- *Dekan-Dekan Fakulti/Pusat*
 - *Pengarah-Pengarah Pejabat/Pusat*
 - *Ketua-Ketua Pejabat/Pusat/Unit*